



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI KANAN KHIDMAT NASIHAT RUMAH TANGGA (C.3-4 EB.5)
JABATAN HAL EHWAL SYARIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI KANAN KHIDMAT NASIHAT RUMAHTANGGA
JABATAN HAL EHWAL SYARIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC/BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Fiqh & Usuluddin / Kaunseling / Pengajian Islam / Psikologi / Syariah (*Fiqh and Judiciary*) / Syariah / Usuluddin atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang sudah berumahtangga.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengendalikan permohonan kes MAL, Poligami dan memohon nasihat;
2. Menyampaikan Kursus Pra Nikah termasuk kursus singkat / taklimat poligami / bimbingan keluarga;
3. Bersedia bertugas di luar daerah jika diperlukan;
4. Menyampaikan ceramah kekeluargaan di radio dan televisyen;
5. Mengendalikan perkara yang berhubungkait dengan seminar / jerayawara / pameran yang berkaitan dengan rumahtangga dan keluarga;



6. Menyampaikan ceramah bimbingan keluarga di televisyen dan radio dan kepada saudara-saudara baru;
7. Membantu Ketua Bahagian merancang program-program tahunan;
8. Membantu Ketua Bahagian memantau pelaksanaan Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2020-2024 dan Jabatan; dan
9. Tugas-tugas lain yang diarahkan dan dipertimbangkan serta menerima arahan daripada pihak atasan dari semasa ke semasa.